

PENDIDIKAN ADAB ISLAM: CABARAN DI KALANGAN OKU PENGLIHATAN

(ISLAMIC MANNERS EDUCATION: CHALLENGES AMONG PERSONS WITH
VISUAL IMPAIRMENT AND BLINDNESS)

Siti Farhana Suhadak¹
Tengku Intan Zarina bt Tengku Puji²

Abstrak

Adab Islam merupakan antara keistimewaan dan keindahan akhlak Islam. Pendidikan adab Islam adalah untuk memberikan pengetahuan dan panduan kepada muslim untuk mengamalkan adab Islam dalam kehidupan seharian mereka secara tertib dan teratur. Pendidikan adab dan akhlak Islam diajar kepada OKU penglihatan dalam Pendidikan Khas melalui mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun sejauh manakah OKU penglihatan mampu memahami Pendidikan adab Islam ini serta apakah cabaran yang perlu dihadapi oleh OKU penglihatan. Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai Pendidikan adab Islam dalam membantu memberikan pendidikan kepada OKU penglihatan untuk menjadi golongan yang berpegetahuan luas mengenai adab Islam sekaligus mengenai pasti halangan bagi OKU penglihatan mengamalkan adab Islam dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Pendidikan, Adab Islam, OKU penglihatan

Abstract

Islamic manners are among the privilege and beauty of Islamic ethics. Islamic manners of education provide knowledge and guidance to Muslims on practicing Islamic etiquettes in their daily lives in orderly and organized way. Islamic manners education and Islamic morals are taught to the visual impairment and blindness person in Special Education of Islamic Studies. Nevertheless, it is important to know how effective is the understanding of the persons with visual impairment and blindness to the education of the manners of Islam and what kind of challenges that has to be confronted. Hence, this article will discuss the significance of Islamic manners education in providing education to the persons with visual impairment and blindness to be knowledgeable on Islamic manners field and also aims to identify obstacles for the persons with visual impairment and blindness in practicing Islamic manners in daily life.

Keywords: Education, Islamic Manners, Persons with Visual Impairment and Blindness

¹ Merupakan calon Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Tel: +60122896846 E-mail: sfarhana98@yahoo.com

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Tel: +60175548251 E-mail: tengkuintan97@yahoo.com

Pendahuluan

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat yang memerlukan pendidikan. Golongan ini mempunyai kesamarataan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan perlu diperjuangkan bagi menjamin kepentingan, keistimewaan dan kesejahteraan OKU. Namun menurut Siti Hajar et. al (2012), penyisihan terhadap golongan OKU telah berlaku dari aspek sosial, ekonomi, fasiliti dan pendidikan. Pendidikan merupakan aspek penting yang diperlukan oleh manusia. Pendidikan bagi OKU penglihatan mendapat perhatian daripada pelbagai pihak antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pendidikan Khas di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas diajar kepada OKU yang beragama Islam, manakala OKU yang bukan Islam diajar mata pelajaran Pendidikan Moral (Asmawati, 2009). Ini menunjukkan pentingnya pendidikan adab dan akhlak kepada semua peringkat masyarakat tanpa mengira perbezaan agama. Ia selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat untuk melahirkan insan yang baik dan berakhlak mulia melalui mata pelajaran Pendidikan Islam yang terdapat di dalamnya silibus adab dan akhlak Islam. Menurut Tajul Ariffin dan Noraini (2002), tujuan pendidikan akhlak Islam adalah untuk melahirkan manusia yang beradab untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan dalam masyarakat serta mendidik rohani dan perasaan supaya mencapai kebahagiaan kepada individu dan masyarakat di dunia dan di akhirat.

Bagi menjadikan manusia itu mempunyai ilmu, berkemahiran dan mempunyai keperibadian yang tinggi, ia memerlukan kepada proses pendidikan yang perlu diterapkan di sekolah, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan (NGO) agar proses pendidikan itu akan sentiasa berkembang dalam diri manusia. Al-Quran menunjukkan kaedah pendidikan akhlak dan adab kepada manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Firman Allah S.W.T dalam Surah an-Nisa', 4:36.

Maksudnya: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa juga pun, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang jauh dan dekat, rakan-rakan dan hamba sahayamu.

Pendidikan adab ini bersifat menyeluruh yang merangkumi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Oleh itu, bagi menjadi manusia yang berjaya di dunia dan akhirat penekanan kepada aspek rohani haruslah ditekankan sebagaimana penekanan kepada aspek akidah dan ibadah kerana aspek rohani (akhlak dan adab) juga salah satu asas dalam pendidikan Islam. Artikel ini akan menjelaskan pendidikan adab Islam di kalangan OKU penglihatan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan mengemukakan cadangan kepada pihak-pihak tertentu untuk membantu OKU penglihatan melaksanakan adab Islam dalam kehidupan seharian.

Definisi OKU Penglihatan

Orang kurang upaya atau orang kelainan upaya merupakan dua istilah yang merujuk kepada individu yang mempunyai kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental. Walaubagaimanapun, berdasarkan berita yang dikeluarkan oleh Bernama pada 13 Jun 2009, Menteri Belia dan Sukan pada tahun itu iaitu Datuk Ahmad Shabery Cheek mencadangkan agar penggunaan istilah orang kelainan upaya (OKU) diperluaskan bagi menggantikan orang kurang upaya. Menurut beliau istilah orang kelainan upaya lebih menggambarkan keistimewaan dan kelebihan golongan itu berbanding istilah orang kurang upaya yang memberi maksud lebih negatif dan seolah-olah merendahkan keupayaan golongan itu. Beliau menyatakan lagi bahawa perkataan kurang upaya diambil daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu '*disable*' yang menggambarkan ketidakupayaan serta kelemahan golongan ini sedangkan sebenarnya mereka mempunyai kelainan dan kelebihan luar biasa yang kadang kala tidak terdapat pada orang normal.

Definisi mengenai OKU banyak dihuraikan oleh pelbagai pihak antaranya menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU merupakan individu yang mempunyai kekurangan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang mempunyai halangan dan cabaran dalam melaksanakan aktiviti seharian secara efektif dalam masyarakat. Manakala menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (WHO, 2013), golongan OKU didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya dari segi fizikal atau mental atau dari segi emosi yang terjadi sejak dari kecil atau selepasnya serta tidak dapat menjalani kehidupan bermasyarakat.

Menurut Blocksidge (2003) dan Mashaw & Reno (1996) menyatakan perkataan OKU menunjukkan kepada sesuatu keadaan yang dialami akibat daripada kemalangan, trauma, keturunan atau penyakit yang mengurangkan keupayaan seseorang itu seperti keupayaan mendengar, melihat, bercakap dan fizikal serta mendefinisikan OKU sebagai golongan yang mempunyai ketidakupayaan serta mengalami diskriminasi dalam pekerjaan dan kemudahan. Golongan OKU dikategorikan kepada tujuh kategori iaitu OKU penglihatan, OKU pendengaran (termasuk sekali pekak dan bisu), OKU fizikal, OKU pertuturan, OKU pembelajaran, OKU mental dan OKU pelbagai kombinasi. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan kajian di seluruh Malaysia untuk mengenalpasti bilangan OKU yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan kajian (Sinar Harian, 2014), didapati seramai 498,906 orang OKU yang telah mendaftar di bawah JKM pada Februari tahun 2014. Seramai 46,875 orang dikenalpasti sebagai OKU penglihatan, 59,161 orang OKU pendengaran, 163,809 orang OKU fizikal, 3,717 orang OKU pertuturan, 180,067 orang OKU pembelajaran, 20,492 orang OKU mental dan 24,785 orang OKU pelbagai kombinasi. Berdasarkan statistik yang dilakukan oleh WHO (2013), terdapat 285 juta orang yang mengalami masalah penglihatan termasuk 39 juta orang yang dikenalpasti sebagai cacat penglihatan (buta).

OKU penglihatan secara umumnya merupakan golongan yang tidak dapat melihat dengan menggunakan mata atau dengan menggunakan alat bantuan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Muhammad Mustaqim (2013) menyatakan bahawa terdapat dua tahap bagi OKU penglihatan iaitu:

- (1) Tahap Buta: Penglihatan kurang dari 3/60 atau medan penglihatan kurang daripada 10 darjah dari *fixation*.

(2) Tahap Penglihatan Terhad: Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun menggunakan alat bantuan, ataupun medan penglihatan kurang daripada 20 darjah dari *fixation*.

Melalui penjelasan mengenai OKU penglihatan, dapat dirumuskan bahawa OKU penglihatan merupakan individu yang mengalami kekurangan dari segi penglihatan disebabkan kecacatan daripada kecil atau kerana penyakit yang muncul kepada individu tersebut hingga menyebabkannya tidak dapat melihat. Selain itu, golongan OKU penglihatan juga mengalami kesukaran untuk berhubung secara sosial dengan masyarakat. Berdasarkan statistik dan kajian yang dijalankan mengenai bilangan OKU penglihatan, usaha perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu OKU penglihatan lebih-lebih lagi dalam aspek pendidikan kerana pendidikan dapat memberikan pengetahuan dan mendidik golongan ini menjadi insan yang mempunyai ilmu pengetahuan dan menjadi lebih berjaya dalam hidup.

Konsep Adab Islam

Istilah adab sering dikaitkan dengan istilah akhlak, moral dan etika. Keempat-empat istilah ini mencerminkan tingkah laku yang baik yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Perkataan adab berasal daripada bahasa Arab iaitu '*addaba*' yang bermaksud mengajarkan adab seperti yang dinyatakan dalam Kamus Arab (Ibn Manzur, 1300 H). Kamus Dewan (2005) mendefinisikan adab sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti, kesopanan. Ini dijelaskan lagi di dalam Kamus Dewan bahawa orang yang beradab dikatakan telah maju dalam tingkat kemajuan (jasmani dan rohani) atau telah bertamadun.

Al-Attas (2001) menyatakan bahawa konsep adab tidak dapat dipisahkan daripada istilah *ta'dib* yang sering digunakan dalam pendidikan Islam. Istilah *ta'dib* bertujuan untuk melahirkan manusia yang beradab iaitu manusia yang kaya dengan tingkah laku yang baik dalam setiap tindakan. Ini dijelaskan melalui kata-kata al-Attas: "... *adab itu sesungguhnya suatu kelakuan yang harus diamalkan atau dilakukan terhadap diri, dan yang berdasarkan pada ilmu, maka kelakuan atau amalan itu bukan sahaja harus ditunjukkan kepada sesama insani, bahkan pada kenyataan makhluk jelata, yang merupakan maklumat bagi ilmu*".

Berdasarkan kata-kata beliau, adab merupakan suatu perbuatan yang perlu diamalkan bersandarkan kepada ilmu. Perbuatan yang diamalkan itu berkait dengan diri sendiri, sesama manusia dan sesama makhluk yang lain. Dapat difahami bahawa adab merupakan didikan untuk mengajar manusia bertindak dan melakukan sesuatu perkara dengan berpandukan ajar Islam sebagai sumber ilmu. Ia melibatkan suatu tertib atau kebiasaan yang diamalkan oleh manusia dalam memelihara hubungan sesama manusia dan menjaga tatasusila untuk berinteraksi.

Menurut Wan Aminurrashid (2002), istilah adab mempunyai persamaan dengan etika iaitu yang bermaksud mengajar tingkah laku yang baik dan buruk berdasarkan al-Quran dan hadith. Perkataan etika banyak digunakan dalam tamadun Yunani Greek yang dikemukakan oleh Protagoras, Socrates, Plato dan Aristotle (Muhammad Mustakim, 2014). Perkataan etika atau *ethic* merupakan perkataan bahasa Inggeris yang berasal daripada bahasa Greek iaitu *ethikos* iaitu moral dan *ethos* yang membawa makna sikap atau adat (Northouse, 2010). Northouse (2010) mendefinisikan perkataan etika sebagai melakukan perbuatan atau tindakan

yang betul yang memenuhi keperluan sesama manusia dan tidak melebihi batasan kemanusiaan seperti hormat-menghormati, jujur, berpegang pada janji dan sebagainya. Chapman (1993) bersetuju bahawa etika merupakan peraturan asas yang menjadi panduan untuk melakukan tindakan dengan cara mengetepikan nilai negatif dan menjadikan nilai positif sebagai asas kepada mana-mana tindakan.

Moral yang dibincangkan oleh Barat menyatakan ia sebagai perbuatan untuk memenuhi tuntutan terhadap sesama manusia yang meliputi kepercayaan dan menilai perbuatan yang baik dan buruk (Northouse, 2010). Pandangan Barat mendefinisikan moral sebagai perbuatan baik dan buruk yang menjadi ukuran kepada kegiatan seharian manusia (Hazard, 1995), manakala Erhard et. al (2009) menambah moral merupakan satu garis panduan dalam masyarakat sebagai sikap baik dan sikap buruk terhadap masyarakat lain dan organisasi.

Pandangan Islam mengenai adab adalah berdasarkan tauhid iaitu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Konsep tauhid mengiktiraf Allah S.W.T sebagai pencipta semua makhluk. Oleh itu, perbincangan mengenai adab tidak dapat lari daripada garis panduan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T (Kamali, 2008). Menurut perspektif Islam, perkataan adab dirujuk sebagai akhlak. Muhammad Al-Ghazali (1997) menyatakan akhlak sebagai: *“Satu entiti yang berada dalam diri seseorang manusia yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa perlu berfikir dan biasanya berlaku secara spontan”*.

Akhlak Islam meliputi adab-adab yang baik yang berperanan untuk mencantikkan dan mengindahkan lagi perjalanan hidup umat Islam untuk menjadi hamba Allah S.W.T yang bertaqwa. Adab-adab yang ditekankan dan diajar oleh Islam merangkumi segala aspek daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada sebesar-besar perkara. Islam telah menggariskan adab-adab dan akhlak yang mulia agar manusia dapat hidup dalam suasana harmoni dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w telah menunjukkan akhlak yang mulia sebagai panduan kepada umatnya. Ini dijelaskan oleh Allah S.W.T melalui ayat al-Qur'an dari surah al-Qalam, 68:4.

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Melalui penjelasan mengenai istilah adab, akhlak, etika dan moral, dapat difahami istilah adab dan akhlak membawa maksud yang sama iaitu tingkah laku yang baik berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun istilah akhlak digunakan untuk menunjukkan sifat yang tertanam dalam jiwa yang melahirkan perbuatan yang baik dan buruk (Ab. Halim Tamuri, 2000), (Tajul Ariffin, 1997) dan (Asmara As, 1992). Manakala istilah adab merupakan salah satu aspek akhlak yang mencerminkan tingkah laku luaran yang dilakukan secara berulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan (Asmawati, 2009). Bagi istilah etika dan moral, ramai pengkaji tidak dapat membezakan antara kedua-dua istilah tersebut (Baelz, 1977). Istilah adab, akhlak, etika dan moral boleh membawa maksud yang berbeza mengikut kefahaman seseorang (Zaharah, 2005).

Pendidikan Adab Islam di Kalangan OKU Penglihatan

Islam dan pendidikan tidak dapat dipisahkan. Ini dapat dilihat daripada ayat pertama yang diturunkan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Alaq, 96:1.

Maksudnya: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan.

Ia merupakan satu didikan kepada manusia untuk mempelajari sesuatu perkara dengan cara bacaan. Berdasarkan perspektif Islam, nilai akhlak dan adab merupakan sebahagian daripada agama Islam yang perlu difahami dan dikuasai oleh orang yang beragama Islam sama juga bagi OKU penglihatan tanpa ada pengecualian. Rasulullah s.a.w menyatakan bahawa “Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya”. Ini jelas bahawa tidak sempurna iman muslim itu sekiranya tidak memiliki akhlak dan nilai-nilai mulia dan terpuji. Namun, ini bukanlah bermaksud bahawa tahap pengukuran iman seseorang itu dilihat daripada pengamalan akhlak dan adab yang terpuji.

Zubay dan Soltis (2005) menjelaskan bahawa pendidikan merupakan aspek yang memainkan peranan dalam perkembangan kemanusiaan dan perhubungan sesama manusia. Pendidikan yang ditekankan oleh Islam merupakan pendidikan yang boleh melahirkan manusia yang berpengetahuan sama ada secara teori atau praktikal. Pendidikan Islam telah diajar di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dan tidak ketinggalan di sekolah Pendidikan Khas bagi pelajar OKU penglihatan. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah Pendidikan Khas ini bertujuan memberikan peluang kepada pelajar OKU penglihatan untuk mempelajari agama Islam yang menjadi pegangan hidup utama orang Islam (Hamdi, 2012). Merujuk kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), Pendidikan Khas diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan bagi pelajar berkeperluan khas yang telah dikenal pasti mempunyai pelajar kurang upaya di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Ia menyediakan pendidikan berkualiti, relevan dan sesuai untuk pelajar berkeperluan khas (Akta Pendidikan 1996, 2014).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa komponen pendidikan agama Islam perlu diajar dalam pendidikan khas bagi OKU beragama Islam manakala komponen pendidikan moral diajar kepada OKU yang bukan beragama Islam. Sukatan pembelajaran untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran dibina dengan merujuk kepada sukatan pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pendidikan adab dan akhlak Islam dalam Pendidikan Khas kepada OKU penglihatan diajar melalui pendidikan agama Islam yang merangkumi enam adab iaitu adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam melakukan ibadah, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul. Kemudian enam adab ini dibahagikan pula kepada sub-bidangnya yang tersendiri. Pembahagian sub-bidang adab dinyatakan dalam jadual 1 berdasarkan pendidikan KBSR dan jadual 2 berdasarkan pendidikan KBSM.

Jadual 1: Bidang adab dan pembahagian sub-bidang adab KBSR

Bil	Adab Islam	Sub-bidang adab
1.	Adab dalam kehidupan seharian	Adab makan dan minum Adab qada' hajat Adab tidur dan bangun tidur Adab mandi Adab berwuduk Adab berpakaian Adab berkenderaan Adab masuk dan keluar rumah

	Adab menghidang makanan dan minuman Adab berjalan Adab bertanya Adab mengurus diri
2. Adab terhadap ibu bapa dan keluarga	Adab bercakap dengan ibu bapa Adab menolong ibu bapa Adab bergaul dengan keluarga
3. Adab dalam kehidupan bersosial	Adab bergaul dengan rakan Adab di masjid dan surau Adab bercakap dengan rakan Adab melayan tetamu Adab menziarahi orang sakit Adab menziarahi rakan Adab menziarahi orang tua Adab dengan orang tua Adab menziarahi jenazah dan kubur Adab makan di majlis keramaian Adab berjiran Adab berkumpul Adab berjual beli Adab bekerja Adab menziarahi jiran Adab ketika bermain Adab terhadap tempat dan harta benda awam Adab kecintaan kepada negara Adab rehlah Adab dengan manusia dan makhluk lain Adab dengan pemimpin
4. Adab menuntut ilmu	Adab bercakap dengan guru Adab ke sekolah Adab belajar Adab semasa di sekolah Adab berhujah Adab menolong guru Adab menjaga harta benda sekolah Adab menjaga kebersihan sekolah
5. Adab dengan al-Quran	Adab membawa dan menyimpan al-Quran Adab membaca al-Quran

Jadual 2: Bidang adab dan pembahagian sub-bidang adab KBSM

Bil	Adab Islam	Sub-bidang adab
1.	Adab dalam kehidupan seharian	Adab menjaga fitrah lelaki dan perempuan Adab berkawan

	Adab ketika musibah dan menerima nikmat Adab berjiran Adab menjaga diri dan maruah Adab berfikir Adab berhias diri Adab menjaga orang sakit Adab musafir Adab bernegara Adab dengan pemimpin Adab berjuang
2. Adab dalam kehidupan bersosial	Adab terhadap muslim dan bukan muslim Adab menerima dan melayan tetamu Adab bekerja Adab bercakap dalam majlis Adab amar makruf dan nahi munkar Adab di tempat rekreasi Adab menjaga kemudahan awam Adab menziarahi jenazah Adab menjaga alam Adab memberi dan menerima sedekah Adab berjual beli
3. Adab dalam menunaikan ibadah	Adab membaca al-Quran Adab di masjid atau surau Adab berdoa Adab beribadat
4. Adab terhadap ibu bapa dan keluarga	Adab dengan ibu bapa Adab bergaul dengan keluarga Adab berbakti kepada ibu bapa
5. Adab menuntut ilmu	Adab menjaga harta sekolah Adab berguru Adab menuntut ilmu Adab berpidato
6. Adab terhadap Allah dan Rasul	Adab zikrullah Adab menghormati Rasulullah s.a.w

Pendidikan adab Islam adalah suatu kaedah untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber dalam Islam. Pendedahan pendidikan adab Islam kepada OKU penglihatan membentuk sikap, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat walaupun mempunyai kekurangan dari aspek penglihatan. Menurut Norazani et. al (2004), matlamat Pendidikan Islam adalah untuk membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia yang mencakupi fizikal, spritual, mental dan sosial menurut pembentukan rabbani bagi melahirkan insan kamil dan mukmin yang bertakwa untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Berdasarkan penyusunan sub-bidang

adab yang diajar di sekolah rendah dan menengah untuk OKU penglihatan menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil berat aspek-aspek adab yang ditekankan dalam Islam.

Cadangan Penambahbaikan Pendidikan Adab Islam

Artikel ini memberikan penjelasan mengenai pendidikan adab Islam yang diberikan kepada OKU penglihatan menerusi Pendidikan Islam yang ditekankan dalam Pendidikan Khas. Menurut al-Attas (2001), penekanan adab dalam proses pendidikan perlu dilakukan untuk menjamin perkembangan ilmu secara berkesan di kalangan masyarakat. Namun begitu, terdapat persoalan-persoalan yang timbul seperti “adakah OKU penglihatan benar-benar memahami adab Islam?”, adakah OKU penglihatan dapat mengamalkan adab Islam sama seperti orang lain?” dan “adakah pendidikan adab Islam berbentuk kognitif iaitu memfokuskan kepada kecemerlangan peperiksaan sahaja?”. Bagi menjawab kepada persoalan-persoalan yang timbul, langkah dan cadangan penambahbaikan terhadap pendidikan adab Islam perlu diberi perhatian. Dalam artikel ini terdapat tiga cadangan penambahbaikan terhadap pendidikan adab Islam. Cadangan pertama ialah, masalah utama bagi OKU penglihatan adalah melihat. Oleh itu, cara yang paling berkesan bagi pendidikan adab Islam kepada OKU penglihatan adalah memperbanyakkan penerbitan bahan-bahan bacaan mengenai adab Islam dalam tulisan Braille yang dapat dibaca oleh OKU penglihatan dengan cara sentuhan. OKU penglihatan tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan atas alasan ketidakupayaan. Oleh itu, keperluan OKU penglihatan dari aspek bahan pengajaran, kaedah pengajaran dan kurikulum pengajaran perlu disediakan agar OKU penglihatan mendapat kesamarataan sama seperti golongan lain (Zainudin, 2004).

Cadangan kedua ialah, penilaian dari segi penghayatan dan amalan perlu dilakukan untuk membantu OKU penglihatan sentiasa mengamalkan adab Islam dalam kehidupan seharian agar mereka tidak hanya mempelajari adab Islam semata-mata kerana peperiksaan. Penyusunan pendidikan adab Islam juga perlu diteliti semula. Ini kerana pembahagian sub-bidang adab agak banyak dan padat kandungannya dan memerlukan waktu yang panjang untuk proses pengajaran dan pembelajaran kepada OKU penglihatan sedangkan mata pelajaran pendidikan Islam merangkumi komponen lain seperti Tilawah al-Quran, Ulum Syariah serta Adab dan Akhlak Islam. Oleh itu penyusunan semula sub-bidang adab Islam perlu dilakukan dan disesuaikan dengan masa pembelajaran yang diperuntukkan. OKU penglihatan juga perlu bersungguh-sungguh mempelajari adab Islam yang diajar kepada mereka dan berusaha mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Seterusnya cadangan ketiga, ibu bapa perlu memberikan kerjasama kepada guru-guru yang mengajar Pendidikan Khas dengan memastikan anak-anak OKU penglihatan memahami dan mengamalkan adab Islam di rumah. Ini dapat membantu mengenalpasti tahap kefahaman mereka terhadap adab Islam di samping memupuk sikap untuk sentiasa mengamalkan adab Islam di kalangan OKU penglihatan. Ini akan menunjukkan bahawa pendidikan adab Islam bukan hanya tertumpu di sekolah sahaja tetapi perlu sentiasa diamalkan.

Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dan bekerjasama dalam membantu OKU penglihatan mempelajari dan mengamalkan adab Islam sebagai suatu proses pendidikan kepada OKU penglihatan agar mereka sama-sama menghidupkan ajaran Islam sama seperti

orang lain tanpa menjadikan alasan kekurangan sebagai halangan mengamalkan gaya hidup Islam.

Rumusan

Adab merupakan satu bentuk didikan atau panduan kepada seseorang untuk melakukan perbuatan yang betul berlandaskan tuntutan agama. Ini menunjukkan bahawa adab bukanlah satu undang-undang yang akan menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang melanggarnya. Walaupun begitu, adab perlu ditekankan kepada semua lapisan masyarakat dengan menerapkan pendidikan adab sama ada di rumah, sekolah, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan bagi melahirkan manusia yang beradab. Pengamalan adab Islam akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah, 2:286.

Maksudnya: Ia mendapat pahala (dari kebaikan) yang diusahakannya dan ia mendapat seksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.

Secara rumusannya, pendidikan adab penting untuk diajar kepada OKU penglihatan agar mereka mendapat pengetahuan dan menghayati adab Islam. OKU penglihatan perlu menyahut cabaran untuk mempelajari adab Islam dan menjadikan diri contoh teladan kepada semua golongan masyarakat. Adab merupakan suatu disiplin yang menjadi panduan kepada diri manusia yang merangkumi pemikiran, rohani dan jasmani. Seseorang yang beradab akan dapat menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu bertentangan dengan agama kerana adab mengajar suatu disiplin dan nilai-nilai murni ketika menilai sesuatu perkara. Ini dapat difahami bahawa ia berdasarkan konsep ilmu, amal dan adab.

Rujukan

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah Terpilih. (2014). Undang-Undang Malaysia. International Law Book Services.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). risalah untuk kaum muslimin. ISTAC. Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Tamuri. (2000). *A Study of The Students' Knowledge of Akhlak in The Malaysia Secondary School (with Special Reference to The Islamic Education ICSS/KBSM)*. Tesis PhD, University of Birmingham. (tidak diterbitkan).
- Asmara As. (1992). *Pengantar Studi Akhlak*. Jakarta: Rajawali.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Baelz, P. (1977). *Ethics and Belief*. London: Sheldon.
- Bernama. 13 Jun 2009.
- Chapman, R.A. (1993). *Ethics in Public Service*. Edinburgh University Press.
- David Blocksidge. (2003). *Dictionary of Disability Terminology*. Ed. 1. Pertubuhan Orang Kurang Upaya. Singapura.
- Erhard, Werber H., Michael C. Jenson, and Steve Zaffron. (2009). Integrity: A Positive Model that Incorporates the Normative Phenomena of Morality, Ethics and Legality, *Harvard NOM Research Paper*. No. 06-11.
- Hamdi bin Ishak, Ab Halim bin Tamuri, Rosadah binti Abdul Majid & Safani bin Bari. (2012). Amalan pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan

- Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4(2), 11-24.
- Hazard, Jr., Geoffrey C. (1995). "Law, Morals, and Ethics". *Southern Illinois Law Journal*. 19, 447-58.
- Ibn Manzur. (1300 H). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Sadr.
- Kamali, Mohammad Hashim. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Cet. 1. Ed. 3. Shah Alam: Giga Wise Network Sdn. Bhd.
- Mashaw, J dan V Reno. (1996). *Balancing Security and Opportunity: The Challenge of Disability Income Policy*. Final Report of the Disability Policy Panel, National Academy of Social Insurance. Washington D.C.
- Muhammad Mustakim Mohamed Noh. (2014). Strategi dan Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian Kes di JCorp. *Gjat June 2014*. Vol 4. Issue 1. 97. Jabatan Siasah Syar'iyah. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya (UM).
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2013). *Braille Al-Quran: Sejarah dan Kaedah*. Nilai: Penerbit USIM.
- Norazani Ahmad, Jaffary Awang & Hapizah Talib. (2004). Pendidikan Islam dan Pembentukan Identiti Pelajar : Analisis Dari Perspektif Kaunseling. Jabatan Falsafah dan Teknologi. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Northouse, P. G. (2010). *Leadership: Theory and Practice*. Ed. 5. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Sinar Harian. 3 Julai 2014.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab. (2012). Intervensi Sosial untuk Komuniti Tersisih: ke Arah Pembangunan Ummah. *Jurnal Hadhar.i* 4 (2) 29-44. Institut Islam Hadhari: Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Tajul Ariffin. (1997). *pendidikan dan pembangunan manusia: satu pendekatan bersepadu*. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Noraini Ahmad. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Wan Aminurrashid. (2002). *Etiket Islam: Panduan Sopan Santun*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- World Health Organization. (2013). *Universal Eye Health: A Global Action Plan 2014-2019*. Geneva: Switzerland.
- Zaharah Hussin. (2005). *mendidik generasi berakhlak mulia: fokus peranan guru pendidikan Islam*. Masalah Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Zainudin Mohd Isa. (2004). Peranan Masyarakat dalam Mempertingkatkan Kerjaya Golongan Keperluan Khas. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas*. 2, 402-406.
- Zubay, B., & Soltis, J. F. (2005). *Creating The Ethical School: A Book of Case Studies*. New York, NY: Teachers College Press.